

PERMASS anjur Program Hari Sukan Integrasi Mahasiswa

UB 7.12.2018

B3

KOTA KINABALU: Persatuan Mahasiswa Sains Sosial dan Seni (PERMASS) menganjurkan Program Hari Sukan Integrasi Mahasiswa dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Timbalan Naib Canselor HEPA pada 18 November 2018 bertempat di Arena Kompleks Sukan UMS.

Pengarah program, Muhd Syazreen Bin Suhaili berkata seramai 600 penyertaan menyertai program Hari

Sukan Integrasi Mahasiswa yang terdiri daripada wakil pelajar bagi setiap fakulti di dalam Universiti Malaysia Sabah.

Program ini juga turut dimeriahkan oleh wakil pelajar daripada setiap kolej kediaman di Universiti Malaysia Sabah.

“Objektif program ini adalah untuk memberikan pendedahan sebagai wadah kepada para pelajar untuk berintegrasi dan juga mengamalkan gaya hidup

sihat.” kata Muhd Syazreen.

Majlis perasmian dan penutupan ini telah disempurnakan oleh Dr. Mohammad Puad bin Bebit, Timbalan Dekan HEPA Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan.

Di samping itu, majlis penutupan ini dihadiri oleh para pensyarah daripada Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan.

Sukanyang dipertandingkan di dalam program ini

dikendalikan oleh para pelajar ahli jawatankuasa Persatuan Mahasiswa Sains Sosial dan Seni (PERMASS) selama dua hari, iaitu bermula daripada 17 November 2018 sehingga 18 November 2018.

Muhd Syazreen berharap semoga program yang berimpak tinggi seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang untuk melahirkan mahasiswa yang aktif dan mengamalkan gaya hidup yang sihat.